



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PENCUKAIAN  
SYARIKAT PENGURUSAN DANA ASING**

**KETETAPAN UMUM NO. 6/2014**

**TARIKH PENERBITAN: 4 SEPTEMBER 2014**



**PENCUKAIAN SYARIKAT  
PENGURUSAN DANA ASING**

**Ketetapan Umum No. 6/2014**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA Tarikh Penerbitan: 4 September 2014**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 4 September 2014

Edisi pertama pada 4 September 2014

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Syarikat Pengurusan Dana Asing Di Malaysia	2
5. Asas Taksiran	2
6. Layanan Cukai	3
7. Lampiran	14

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat ketetapan umum berkenaan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari ketetapan umum ini melalui notis atau dengan penerbitan ketetapan umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

---

## 1. **Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh syarikat pengurusan dana asing yang memberikan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing dan tempatan. KU ini tidak terpakai kepada syarikat pengurusan dana asing yang menerbitkan, menawarkan atau mempelawa pembelian unit dalam dana unit amanah konvensional.

## 2. **Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, perenggan 6(1)(h), seksyen 60G dan Bahagian IX Jadual 1.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah P.U.(A) 199/2007 dan P.U.(A) 255/2008.

## 3. **Tafsiran**

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Individu” bermaksud orang sebenar;
- 3.2 “Orang” termasuk syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal;
- 3.3 “Pelabur asing” –
  - (a) berhubung dengan seorang individu bermaksud individu bukan pemastautin dan bukan warganegara Malaysia;
  - (b) berhubung dengan sebuah syarikat bermaksud syarikat di mana keseluruhan modal syer yang diterbitkan adalah dimiliki secara benefisial, secara langsung atau tidak langsung oleh orang bukan pemastautin dan bukan warganegara Malaysia; dan
  - (c) berhubung dengan suatu dana amanah bermaksud dana amanah di mana keseluruhan kepentingan dalam dana dipegang secara benefisial, secara langsung atau tidak langsung oleh pelabur asing, di mana –
    - (i) dana itu diwujudkan di luar Malaysia; dan
    - (ii) pemegang amanah dana tidak bermastautin dan bukan warganegara Malaysia.

---

3.4 “Pelabur tempatan” adalah individu, syarikat atau dana amanah yang bukan pelabur asing.

#### 4. Syarikat Pengurusan Dana Asing Di Malaysia

4.1 Syarikat pengurusan dana asing adalah suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan diberi lesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].

4.2 Antara syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SS) bagi pelesenan syarikat pengurusan dana asing adalah lebih daripada 50% modal berbayarnya mesti dimiliki oleh ekuiti asing.

4.3 Syarikat pengurusan dana asing pada asasnya ialah syarikat yang ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan pengurusan dana kepada pelanggannya. SS telah menerbitkan garis panduan dan dokumen berikut untuk penubuhan syarikat pengurusan dana asing di Malaysia:

- (a) *Guidelines for the establishment of foreign fund management companies* (Disemak pada 1.7.2000);
- (b) *Application for the establishment of foreign fund management companies under the special scheme* (Disemak pada 24.12.2007); dan
- (c) *SC licensing handbook* (Dipinda pada 26.11.2009).

Untuk maklumat tambahan berhubung garis panduan dan dokumen tersebut, sila rujuk kepada laman sesawang SS di [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my).

#### 5. Asas Taksiran

Tempoh asas sesuatu tahun taksiran bagi sesuatu syarikat pengurusan dana asing adalah tempoh perakaunan kewangan syarikat tersebut dan ini ditentukan mengikut peruntukan seksyen 20 dan 21A ACP.

##### Contoh 1

Sebuah syarikat pengurusan dana asing memulakan operasi pada 1.11.2010 dan menyediakan akaun sehingga 30.6.2011. Syarikat menutup akaun berikutnya pada 30 Jun setiap tahun.

Tempoh asas untuk tahun taksiran berikutnya adalah:

Tahun Taksiran	Tempoh Asas
2010	1.11.2010 hingga 31.12.2010
2011	1.01.2011 hingga 31.12.2011
2012	1.07.2012 hingga 30.06.2012
2013	1.07.2013 hingga 30.06.2013

## 6. Layanan Cukai

### (a) Layanan cukai khas

Syarikat pengurusan dana asing yang menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing diberi layanan cukai khas menurut seksyen 60G ACP.

### (b) Pendapatan syarikat pengurusan dana asing

Syarikat pengurusan dana asing yang menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing dan tempatan menerima fi pengurusan untuk perkhidmatan mereka. Memandangkan fi pengurusan diterima dalam menjalankan perniagaan, ia hendaklah dianggap sebagai pendapatan perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP. Jika sebuah syarikat pengurusan dana asing memberi perkhidmatan pengurusan dana kepada kedua-dua pelabur asing dan tempatan, pendapatan yang diperolehi daripada penyediaan perkhidmatan ini kepada setiap kategori pelabur tersebut akan disifatkan sebagai terbit daripada punca perniagaan yang berasingan dan berlainan.

[subseksyen 60G(1) ACP]

### (c) Memberi perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing – Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada sesuatu punca yang terdiri daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing bagi suatu tahun taksiran ialah pendapatan berkanun daripada punca itu yang dikurangkan oleh rugi tidak dapat diserap yang dibawa hadapan dari tahun terdahulu daripada punca yang sama.

[subseksyen 60G(2) ACP]

- (d) Pendapatan syarikat pengurusan dana asing selain pendapatan daripada perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing - Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang diperolehi daripada punca selain punca penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing bagi suatu tahun taksiran ialah pendapatan berkanun daripada punca itu atau agregat pendapatan berkanun daripada setiap punca itu, mengikut mana yang berkenaan, dikurangkan oleh kerugian perniagaan yang dibawa hadapan dan kerugian tahun semasa daripada punca perniagaan yang lain (selain kerugian daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing).

Dalam perkataan lain, kerugian yang dibawa hadapan dan kerugian perniagaan tahun semasa daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing tidak boleh ditolak daripada pendapatan daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan dan punca pendapatan lain. Begitu juga, kerugian yang dibawa hadapan dan kerugian perniagaan tahun semasa daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan dan punca perniagaan lain tidak boleh ditolak daripada pendapatan daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing.

[subseksyen 60G(3) ACP]

- (e) Dana pelabur asing yang diuruskan mengikut prinsip Syariah

Syarikat pengurusan dana asing yang menguruskan dana pelabur asing mengikut prinsip Syariah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperolehi daripada suatu perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing di Malaysia. Dana Syariah yang diuruskan tersebut hendaklah disahkan oleh SS bagi setiap tahun taksiran dalam tempoh pengecualian. Tempoh pengecualian ialah bagi tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2016.

[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.15) 2007 [P.U.(A) 199/2007]

- (f) Dana pelabur tempatan yang diuruskan mengikut prinsip Syariah

Syarikat pengurusan dana asing yang menguruskan dana pelabur tempatan mengikut prinsip Syariah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperolehi daripada suatu perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan di Malaysia. Dana Syariah yang diuruskan tersebut hendaklah disahkan oleh SS bagi setiap tahun taksiran dalam tempoh pengecualian. Tempoh pengecualian ialah bagi tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2016.

[Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2008 [P.U.(A) 255/2008]

(g) Kadar cukai

Kadar cukai yang terpakai kepada syarikat pengurusan dana asing adalah seperti berikut:

Pemegangan Saham Syarikat Pengurusan Dana Asing	Jenis Pelabur	Kadar Cukai (%)
100% ekuiti asing	Asing	10
Sekurang-kurangnya 30% ekuiti tempatan	Asing	10
Sekurang-kurangnya 30% ekuiti tempatan	Tempatan	Kadar cukai domestik yang terpakai kepada pemastautin

[Bahagian 1 dan Bahagian IX Jadual 1 kepada ACP]

(h) Akaun pengecualian

Sebelum 1.1.2014, sebuah syarikat pemastautin yang menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing hendaklah kreditkan jumlah bersih pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada punca itu (setelah potongan cukai @ 10%) ke suatu akaun pengecualian. Dengan kuat kuasa sistem percukaian satu peringkat sepenuhnya mulai 1.1.2014, akaun pengecualian tidak perlu lagi disimpan oleh syarikat pengurusan dana asing.

- (i) Ringkasan layanan cukai ke atas syarikat pengurusan dana asing adalah seperti ditunjukkan di Lampiran.
- (j) Penentuan pendapatan yang boleh dikenakan cukai syarikat pengurusan dana asing

**Contoh 2**

Kumpulan ABC International Asset Management, salah satu pengurus aset terbesar di dunia memperbadankan sebuah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya di Malaysia, ABC International Asset Management Malaysia Sdn Bhd pada tahun 2008. ABC International Asset Management Malaysia Sdn Bhd ditubuhkan sebagai syarikat pengurusan dana asing dan telah menerima kelulusan SS untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada kedua-dua pelabur asing dan tempatan.

Bayaran perkhidmatan dan caj lain yang boleh dikenalpasti dibahagikan sepenuhnya kepada dana masing-masing. Caj gunasama kumpulan syarikat



dibahagikan kepada setiap dana kecil mengikut nisbah nilai aset bersih pada akhir setiap suku tahun.

Memandangkan ABC International Asset Management Malaysia Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada kedua-dua pelabur asing dan tempatan, pendapatan daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana tersebut kepada pelabur asing hendaklah dianggap sebagai punca pendapatan perniagaan yang berasingan dan berlainan daripada punca penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan.

### Contoh 3

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 dan pendapatan berikut dilaporkan dalam Akaun Untung Dan Rugi ABC International Asset Management Malaysia Sdn Bhd bagi tahun berakhir 31.12.2012 dan 31.12.2013.

#### Penyediaan Perkhidmatan Pengurusan Dana Kepada Pelabur Asing

Tahun Berakhir	31.12.2012 RM	31.12.2013 RM
Fi pengurusan	200,000	500,000
Perbelanjaan dibenarkan	210,000	100,000
Elaun modal	20,000	10,000

#### Penyediaan Perkhidmatan Pengurusan Dana Kepada Pelabur Tempatan

Tahun Berakhir	31.12.2012 RM	31.12.2013 RM
Fi pengurusan	250,000	100,000
Perbelanjaan dibenarkan	100,000	120,000
Elaun modal	10,000	5,000

Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2012 untuk penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing dan tempatan adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2012 - Pelabur Asing**

	RM
Fi pengurusan	200,000
Tolak: perbelanjaan dibenarkan (terhad)	<u>200,000</u>
Pendapatan larasan (Rugi larasan – RM10,000)	<u>TIADA</u>

Rugi tahun semasa yang tidak dapat diserap di h/h	-	10,000 <sup>1</sup>
Elaun modal tahun semasa yang tidak dapat diserap di h/h	-	20,000 <sup>2</sup>

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada pelabur asing bagi tahun taksiran 2012 adalah Tiada.

**Tahun Taksiran 2012 – Pelabur Tempatan**

	RM
Fi pengurusan	250,000
Tolak: perbelanjaan dibenarkan	<u>100,000</u>
Pendapatan larasan	150,000
Tolak: elaun modal	<u>10,000</u>
Pendapatan berkanun / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	<u>140,000</u>

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan bagi tahun taksiran 2012 adalah RM140,000. Cukai kena dibayar untuk perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan adalah seperti berikut:

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	-	RM140,000
Cukai kena dibayar	-	RM35,000.00 (RM140,000 @ 25%)

Pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2013 untuk penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing dan tempatan adalah seperti berikut:

**Tahun Taksiran 2013 – Pelabur Asing**

		RM
Fi pengurusan		500,000
Tolak: perbelanjaan dibenarkan		<u>100,000</u>
Pendapatan lasaran		400,000
Tolak: elaun modal tidak dapat diserap di b/h	20,000 <sup>2</sup>	
elaun modal (tahun semasa)	<u>10,000</u>	<u>30,000</u>
Pendapatan berkanun		370,000
Tolak: rugi tidak dapat diserap di b/h		<u>10,000<sup>1</sup></u>
Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		<u>360,000</u>

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing bagi tahun taksiran 2013 adalah RM360,000. Cukai kena dibayar untuk perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing adalah seperti berikut:

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	-	RM360,000
Cukai kena dibayar	-	RM36,000.00 (RM360,000 @ 10%)
Akaun pengecualian	-	RM324,000 (RM360,000 tolak RM36,000)

**Tahun Taksiran 2013 – Pelabur Tempatan**

		RM
Fi pengurusan		100,000
Tolak: perbelanjaan dibenarkan (terhad)		<u>100,000</u>
Pendapatan lasaran (Rugi lasaran - RM20,000)		<u>TIADA</u>
		RM
Kerugian tahun semasa yang tidak dapat diserap di h/h	-	20,000
Elaun modal tahun semasa yang tidak dapat diserap di h/h	-	5,000

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan bagi tahun taksiran 2013 adalah Tiada.

**Pemerhatian**

- (1) Elaun modal yang tidak dapat diserap berjumlah RM20,000<sup>2</sup> dan kerugian lasaran yang tidak dapat diserap berjumlah RM10,000<sup>1</sup> daripada

penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing bagi tahun taksiran 2012 di hantar hadapan ke tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun berikutnya untuk ditolak daripada punca pendapatan yang sama, iaitu daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing. Perlu diambil perhatian bahawa kerugian pendapatan yang tidak dapat diserap dan elaun modal yang tidak dapat diserap daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing dalam tahun taksiran 2012 tidak dibenarkan sebagai tolakan daripada pendapatan berkanun penyediaan perkhidmatan pengurusan perkhidmatan kepada pelabur tempatan.

- (2) Begitu juga, dalam tahun taksiran 2013 rugi dan elaun modal yang tidak dapat diserap daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan di hantar hadapan ke tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun berikutnya sebagai tolakan daripada punca pendapatan yang sama, iaitu daripada penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan. Rugi dan elaun modal yang tidak dapat diserap tidak dibenarkan sebagai tolakan daripada pendapatan penyediaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing.

#### **Contoh 4**

Good Fund Management Sdn Bhd telah diperbadankan di Malaysia pada 1.1.2005 dengan pemegangan saham tempatan sebanyak 30%. Dana diluluskan oleh SS untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada kedua-dua pelabur asing dan tempatan. Pendapatan Good Fund Management Sdn Bhd untuk tahun berakhir 31.12.2012 dan 31.12.2013 adalah seperti berikut:

	Perkhidmatan Pengurusan Dana Kepada Pelabur Asing  RM	Perkhidmatan Pengurusan Dana Kepada Pelabur Tempatan & Punca Lain Lain RM
<b>Tahun Taksiran 2012</b>		
Pendapatan lasaran	570,000	2,830,000
Elaun modal	10,000	30,000
Sewa		35,000
<b>Tahun Taksiran 2013</b>		
Pendapatan lasaran (rugi)	(250,000)	3,332,000
Elaun modal	9,000	32,000
Sewa		38,000

Derma kepada institusi yang diluluskan untuk tahun asas 2012 dan 2013 masing-masing berjumlah RM2,000 dan RM3,000. Rugi yang dibawa hadapan dari tahun taksiran 2011 bagi perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing adalah RM60,000.

**Pengiraan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai**

	Perkhidmatan Pengurusan Dana Kepada Pelabur Asing  RM	Perkhidmatan Pengurusan Dana Kepada Pelabur Tempatan & Punca Lain RM
<b>Tahun Taksiran 2012</b>		
Pendapatan larasan	570,000	2,830,000
Elaun modal	<u>10,000</u>	<u>30,000</u>
Pendapatan berkanun	560,000	2,800,000
Tolak: rugi b/h	<u>60,000</u>	<u>TIADA</u>
	500,000	2,800,000
Sewa	<u>TIADA</u>	<u>35,000</u>
Pendapatan agregat	500,000	2,835,000
Tolak: Derma	<u>TIADA</u>	<u>2,000</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	<u>500,000</u>	<u>2,833,000</u>
Kadar cukai	10%	25%
Cukai kena dibayar	50,000	708,250
Akaun pengecualian	450,000	-

	Perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing  RM	Perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan & punca lain RM
<b>Tahun Taksiran 2013</b>		
Pendapatan larasan	TIADA	3,332,000
Elaun modal	TIADA	<u>32,000</u>
Pendapatan berkanun	TIADA	3,300,000
Sewa	TIADA	<u>38,000</u>
Pendapatan agregat	TIADA	3,338,000
Tolak: Derma	TIADA	<u>3,000</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai	TIADA	<u>3,335,000</u>
Kadar cukai	10%	25%
Cukai kena dibayar	Tiada	833,750.00
Akaun pengecualian	-	-
Rugi h/h - RM250,000		
Elaun modal h/h - RM9,000		

### Contoh 5

Sturdy Investments (Malaysia) Sdn Bhd telah diperbadankan di Malaysia sebagai sebuah syarikat pengurusan dana asing dan diluluskan oleh SS. Perniagaan bermula pada 1.1.2008. Akaun Untung dan Rugi dan Kunci Kira-Kira bagi tahun berakhir 30.9.2013 adalah seperti berikut:

### Akaun untung dan rugi bagi tahun berakhir 30.9.2013

<b>Pendapatan</b>		RM
Fi pengurusan – Dana pelabur asing		2,685,579
<b>Perbelanjaan</b>		
Fi profesional	40,000	
Upah dan gaji	1,500,000	
Sewa	120,000	
Penyelenggaraan dan pembaikan	1,000	
Pengiklanan	1,000	
Perjalanan dan penginapan	60,000	
Lain-lain perbelanjaan	<u>583,929</u>	<u>2,305,929</u>
Untung bersih		<u>379,650</u>

**Kunci kira-kira pada 30.9.2013**

		<b>RM</b>
<b>Liabiliti</b>		
Liabiliti semasa		
Lain-lain pemiutang		16,000
Lain-lain pemiutang semasa		<u>851,670</u>
Jumlah liabiliti semasa		867,670
<b>Ekuiti pemegang saham</b>		
Modal berbayar	1,500,000	
Akaun pengasingan		
Baki awal pada 1.10.2012	3,196,485	
Untung bersih	<u>379,650</u>	
Baki akhir pada 30.9.2013	<u>3,576,135</u>	
Jumlah ekuiti		<u>5,076,135</u>
Jumlah liabiliti dan ekuiti		<u>5,943,805</u>
<b>Aset</b>		
Aset semasa		
Lain-lain penghutang		250,000
Baki bank dan tunai		50,000
Lain-lain aset semasa		<u>5,643,805</u>
Jumlah aset		<u>5,943,805</u>

Perbelanjaan yang tidak dibenarkan dan elaun modal masing-masing berjumlah RM18,637 dan RM2,000.

**Pengiraan Cukai Pendapatan – Tahun Taksiran 2013**

**Perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing**

		<b>RM</b>
Untung bersih		379,650
Tambah: perbelanjaan tidak dibenarkan		<u>18,637</u>
Pendapatan larasan		398,287
Tolak: elaun modal		<u>2,000</u>
Pendapatan berkanun / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai		<u>396,287</u>
Cukai atas 396,287 @ 10%	<u>39,628.70</u>	
Cukai kena dibayar	<u>39,628.70</u>	

---

### **Contoh 6**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 5 kecuali Sturdy Investments (Malaysia) Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pengurusan dana mengikut prinsip Syariah (disahkan oleh SS) kepada kedua-dua pelabur asing dan tempatan. Pendapatan berkanun yang diperolehi daripada perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan dana mengikut prinsip Syariah kepada pelabur asing dan pelabur tempatan masing-masing berjumlah RM396,287 dan RM85,000.

### **Pengiraan Cukai – Tahun Taksiran 2013**

#### **Perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing**

Pendapatan berkanun berjumlah RM396,287 yang diperolehi oleh Sturdy Investments (Malaysia) Sdn Bhd daripada perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan dana mengikut prinsip Syariah kepada pelabur asing di Malaysia dalam tahun taksiran 2013 adalah dikecualikan cukai.

#### **Perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan**

Pendapatan berkanun berjumlah RM85,000 yang diperolehi oleh Sturdy Investments (Malaysia) Sdn Bhd daripada perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan dana mengikut prinsip Syariah kepada pelabur tempatan di Malaysia dalam tahun taksiran 2013 adalah dikecualikan cukai.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



Lampiran

Ringkasan Layanan Cukai Yang Diberikan Kepada Syarikat Pengurusan Dana Asing

